

Bil. S 75

PERLEMBAGAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
(Perintah dibuat di bawah Perkara 83(3))

PERINTAH SYARIKAT PERNIAGAAN ANTARABANGSA (PINDAAN), 2013

SUSUNAN BAB-BAB

Bab

1. Gelaran.
 2. Pindaan bab 2 dari S 56/2000.
 3. Penggantian bab 93.
 4. Pindaan bab 134.
 5. Pindaan bab 137.
 6. Pindaan bab 147A.
-

PERLEMBAGAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
(Perintah dibuat di bawah Perkara 83(3))

PERINTAH SYARIKAT PERNIAGAAN ANTARABANGSA (PINDAAN), 2013

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh Perkara 83(3) dari Perlembagaan Negara Brunei Darussalam, maka Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan dengan ini membuat Perintah yang berikut —

Gelaran.

1. Perintah ini boleh digelar sebagai Perintah Syarikat Perniagaan Antarabangsa (Pindaan), 2013.

Pindaan bab 2 dari S 56/2000.

2. Bab 2 dari Perintah Syarikat Perniagaan Antarabangsa, 2000, dalam Perintah ini disebut sebagai Perintah utama, adalah dipinda, dalam ceraiian (1) —

(a) dengan memasukkan sejurus selepas takrifan “Akta Syarikat” takrifan baru yang berikut —

“ “DCC” bermakna suatu syarikat yang diperbadankan sebagai, atau ditukar kepada, DCC menurut Bahagian XIIA;”;

(b) dengan memotong takrifan “ahli” dan menggantikannya dengan takrifan baru yang berikut —

“ “ahli” bermakna seseorang yang memegang saham dalam suatu syarikat dan, dalam hal suatu syarikat berhad dengan jaminan, mana-mana orang yang bertanggung untuk membuat sumbangan kepada aset selepas pengkulungan;”.

Penggantian bab 93.

3. Bab 93 dari Perintah utama adalah dimansuhkan dan digantikan dengan bab baru yang berikut —

“Akaun hendaklah disimpan.

93. (1) DCC, FIC dan IBC hendaklah menyebabkan supaya disimpan rekod perakaunan yang betul dan rekod lain yang akan menerangkan dengan secukupnya transaksi dan kedudukan kewangan syarikat itu.

(2) Akaun-akaun DCC, FIC dan IBC hendaklah disimpan di pejabat berdaftaranya di Negara Brunei Darussalam dan hendaklah pada setiap masa terbuka kepada pemeriksaan oleh mana-mana pengarah.

(3) Pengarah-pengarah hendaklah, dalam masa 18 bulan dari tarikh pemerbadanan, pendaftaran, penukaran atau penubuhan semula DCC, FIC dan IBC dan kemudiannya sekali dalam setiap tahun kalendar, membentangkan di hadapan syarikat itu dalam mesyuarat agung, penyata kewangan syarikat itu bagi tempoh —

(a) dalam hal akaun pertama, sejak pemerbadanan, pendaftaran, penukaran atau penubuhan semula syarikat itu; dan

(b) dalam sebarang hal lain, sejak akaun yang lalu dan disediakan sehingga tarikh sekurang-kurangnya 6 bulan sebelum mesyuarat tersebut.

(4) DCC, FIC dan IBC hendaklah menyimpan semua rekod perakaunan bagi sekurang-kurangnya 7 tahun, dari tarikh transaksi yang disebut dalam rekod perakaunan itu selesai.”.

Pindaan bab 134

4. Bab 134 dari Perintah utama adalah dipinda, dalam cerai (2) —

(a) dalam perenggan (f), dengan memotong “and”;

(b) dalam perenggan (g), dengan memotong koma dan menggantikannya dengan koma bernoktah sejurus selepas “diligence”;

(c) dengan memasukkan sejurus selepas perenggan (g) dua perenggan baru yang berikut —

“(h) senarai ahli-ahlinya yang mengandungi butir-butir yang sama yang dikehendaki supaya terkandung dalam daftar saham atau daftar ahli IBC di bawah bab 47; dan

(i) maklumat dan dokumen lain sebagaimana yang mungkin dikehendaki oleh Pendaftar,”.

Pindaan bab 137.

5. Bab 137 dari Perintah utama adalah dipinda, dalam cerai (1) —

(a) dalam perenggan (e), dengan memotong “or” dalam baris akhir;

(b) dalam perenggan (f), dengan memotong koma dan menggantikannya dengan “; or”;

(c) dengan memasukkan sejurus selepas perenggan (f) perenggan baru yang berikut —

“(g) pemegang saham atau daftar ahli suatu syarikat antarabangsa asing,”.

Pindaan bab 147A.

6. Bab 147A dari Perintah utama adalah dipinda, dalam ceraiian (1), dengan memotong takrifan “DCC”.

Diperbuat pada hari ini 16 haribulan Zulhijjah, Tahun Hijrah 1434 bersamaan dengan 21 haribulan Oktober, 2013 di Istana Nurul Iman Beta, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA
PADUKA SERI BAGINDA SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM